

**Parlimen: Kebajikan, Keselamatan Pelatih PLKN Sentiasa Diutamakan
Bernama
26 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Kementerian Pertahanan sentiasa mengutamakan kebajikan, keselamatan dan kesihatan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi membendung sebarang kejadian tidak diingini semasa latihan berlangsung.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata setiap pelatih PLKN turut dilindungi insurans bermula tiga hari sebelum pendaftaran dan berakhir selepas tujuh hari tamat latihan.

"Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan pelatih, oleh itu perlindungan disediakan kepada pelatih daripada kemalangan, kecederaan, kesakitan malah kematian sejak PLKN dijalankan pada November 2003," katanya ketika menjawab soalan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) di Dewan Rakyat di sini, pada Rabu.

Fong ingin tahu adakah kajian dibuat terhadap bayaran pampasan kepada keluarga bekas pelatih PLKN mendiang A.Tamilarasi, 19, yang meninggal dunia April lepas, selain pertambahan kos yang perlu ditanggung jika cadangan pembinaan kolam renang di kem-kem dilaksanakan.

Mengulas kes remaja itu, Ahmad Zahid berkata: "Mendiang meninggal dunia pada 25 April lalu iaitu melebihi tempoh perlindungan insurans yang tamat pada 20 Mac tahun lepas. Justeru, bayaran pampasan insurans tidak dapat dilakukan melalui skop dan polisi insurans itu".

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697536>